

**MENUKAR TEMPAT KERJA DI KALANGAN JURUUKUR BAHAN DALAM
INDUSTRI BINAAN**

NOR SUHAIDAH BINTI ABDUL RAZAK

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2008

ABSTRAK

Fenomena bertukar kerja atau tempat kerja dengan kerap dirujuk sebagai peralihan kerjaya. Fenomena ini berlaku dalam apa jua lapangan kerja. Namun bagi tujuan kajian ini, penyelidikan dilakukan untuk mengenalpasti faktor-faktor penarik dan penolak bertukar tempat kerja di kalangan Juruukur Bahan serta mengenalpasti faedah dan kekurangan tabiat menukar tempat kerja kepada Juruukur Bahan, firma perunding ukur bahan, syarikat pembinaan dan pemaju. Rujukan kajian yang dijalankan adalah daripada jurnal, buku rujukan, laman web dan tesis lepas. Melalui kajian literatur, senarai faktor-faktor serta kesan bertukar tempat kerja telah dikumpulkan dan seterusnya borang soal selidik telah dibangunkan. Borang soal selidik kemudiannya diedarkan di beberapa firma perunding ukur bahan, syarikat pembinaan dan pemaju di sekitar Johor Bahru. Fokus utama borang soal selidik ini adalah kepada Juruukur Bahan yang pernah bertukar tempat kerja dan majikan di firma perunding ukur bahan, syarikat pembinaan dan pemaju. Sebanyak 30 borang soal selidik telah berjaya dikumpulkan dan dianalisis. Hasil penyelidikan menunjukkan faktor penarik lebih mempengaruhi responden untuk bertukar tempat kerja berbanding faktor penolak dan separuh daripada responden yang kekal dalam organisasi bercadang untuk bertukar tempat kerja pada masa akan datang. Manakala, faedah yang diperolehi oleh Juruukur Bahan yang bertukar tempat kerja adalah lebih tinggi berbanding kekurangan, dan faedah serta kekurangan yang diperolehi oleh organisasi menunjukkan kedua-duanya pada tahap yang tinggi. Oleh itu, benaralah fenomena bertukar tempat kerja juga berlaku kepada Juruukur Bahan yang memperlihatkan pergerakan mereka dalam industri binaan.

ABSTRACT

The phenomenon of frequent job changing or change workplace is now being referred to as career transition. The phenomenon occurs in all field of work. However, for the research purpose is to identify attraction and repel factors of changing workplace among Quantity Surveyors and to indentify benefits and disadvantages of changing workplace to Quantity Surveyors, consultant firms of Quantity Survey, Construction Companies and developers. References, which are used in the research is journals, reference books, web site and previous thesis. Through the literature study, the list of factors and effects of changing workplace have been collected and distributed around Johor Bahru to several Quantity Surveyors which have experience change workplace and employers in consultant firm of Quantity Survey, Construction Company and developer. The total of 30 questionnaire forms have been collected and analyzed. The results from the research shows attraction factors more influence than repel factors for respondents have experience change workplace and half of respondents which never change workplace are consider to change work place in the future. While, benefits from changing workplace to Quantity Surveyors are highest than disadvantages, and benefits and disadvantages happen to organization show both of it at the highest level. So, there are true that the phenomenon of changing workplace also occur to Quantity Surveyors which show their movement in construction industry.